

Hak asasi berlandas Islam diperjelas

KUALA LUMPUR: Masa sudah tiba bagi dunia Islam memperjelas dan menggalakkan hak asasi berlandaskan Islam yang tidak banyak diketahui oleh dunia Barat, sehingga membawa kepada kekeliruan mengenai agama Islam di kalangan mereka, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz.

Beliau berkata, ramai pihak kini berminat untuk memahami Islam selepas kejadian 11 September dan negara Islam seharusnya bertindak segera untuk menerangkan falsafah sebenar Islam.

"Sesetengah pihak di Barat tidak faham cara Islam. Pada pandangan mereka hak asasi manusia tiada batasannya, tapi apabila sesetengah aspek hak asasi manusia tidak konsisten dengan prinsip Islam, kita perlu terangkan kepada mereka mengapa kita katakan 'tidak boleh,' katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Pakar Antarabangsa Mengenai Hak Asasi Manusia (MIEHRI) di sini semalam.

Beliau berkata, negara Islam perlu 'dikejutkan' daripada tidur supaya berani menyatakan mengapa umat menolak sesuatu prinsip hak asasi manusia yang bertentangan dengan Islam.

Sementara itu dalam ucapannya, Mohamed Nazri berkata, cerdik pandai dunia perlu mengadakan perbincangan mengenai perundangan Islam yang didakwa bertentangan dengan hak asasi manusia.

Beliau berkata, mereka juga perlu membincangkan keperluan untuk interpretasi moden undang-undang Islam yang menerima rejim hak asasi individu, iaitu konsep baru dalam sejarah Islam.